

Nama Jawatan : PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11
 Klasifikasi : KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM
 Kumpulan : PELAKSANA
 Taraf Jawatan : KONTRAK
 Jumlah Kekosongan : 2
 Gred Jadual : KP11
 Lokasi :

	Kekosongan	Lokasi
Lelaki	1	PERDA TECH
Perempuan	1	PERDA TECH (Asrama Pelajar Perempuan)

Jadual Gaji :

Gred Gaji	Gaji Minimum (RM)	Gaji Maksimum (RM)
KP11	1,205.00	2,939.00

Syarat Lantikan:

1. Calon-calun bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c)
 - i. Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;atau
 - ii. bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis Sokongan atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.
dan
 - (d) Calon bagi lantikan dengan kelayakan di perenggan (c) i hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- (e) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- i. tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - ii. berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - iii. mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;
 - iv. mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - v. lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
 - vi. pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii. diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar.

PERMOHONAN

Semua permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang **PERDA AM 1** yang boleh didapati di Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) atau layari laman web PERDA di www.perda.gov.my . Tarikh tutup permohonan ialah pada **1 Mac 2018**

- (a) Semua permohonan hendaklah dikemukakan kepada:

PENGURUS BESAR
LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH PULAU PINANG (PERDA)
NO. 1, LORONG KAMPUNG GAJAH 2
JALAN KAMPUNG GAJAH
12200 BUTTERWORTH

- (b) Pemohon-pemohon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah membuat permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 54 hingga 59 : Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pastikan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan yang terakhir dikepilkan.
- (c) Bagi permohonan yang berjaya dalam pemilihan ini semua keputusan akan dimaklumkan melalui surat atau sms terus ke nombor telefon bimbit yang diberikan, bagi **permohonan yang tidak mendapat apa-apa jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup adalah dianggap tidak berjaya.**